

**TEKS UCAPAN ALUAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG UCS
SEMPENA HARI KUALITI UiTM 2025
TEMA:
“MEMACU KUALITI MEMPERKASA INOVASI”**

**4 DISEMBER 2025 | KHAMIS | 2.30 PETANG
DEWAN SERI ALAM
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Dr. Haslinda Yusoff

Penolong Naib Canselor

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

Selaku Penasihat Program

Al-Fadhil Ustaz Lutfi Fauzi Sabari

Timbalan Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam)

Selaku Pengerusi Program

YBrs. Dr Shantakumari Rajan

Ketua Unit Kualiti

Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan
Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Calon-calon Anugerah Cemerlang Kategori Individu
dan Jabatan

Jawatankuasa Pelaksana Program

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang diraikan
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku**

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama di dalam **Majlis Anugerah Cemerlang UiTM Cawangan Selangor, bersempena Hari Kualiti peringkat UiTM Cawangan Selangor bagi tahun 2025.**
2. Mewakili warga UiTM Cawangan Selangor, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **YBrs. Profesor Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)**, atas kesudian meluangkan masa bersama-sama pada majlis petang ini.
3. Kesudian YBrs. Prof. menerima jemputan dan hadir amat bermakna bagi kami, dan umpama suatu simbolik sokongan meraikan pencapaian dan kecemerlangan kualiti dan inovasi warga pentadbir UiTM Cawangan Selangor.

4. Pada hari yang penuh bermakna ini, UiTM Cawangan Selangor amat berbesar hati dan berbangga untuk memberi pengiktirafan dan meraikan warga pentadbir yang telah menunjukkan kesungguhan dan daya inovasi tinggi dalam tugas mereka.

Hadirin sekalian,

5. Tema “Memacu Kualiti, Memperkasa Inovasi” yang dipilih oleh UiTM Cawangan Selangor pada tahun ini membawa makna mendalam jika dikaitkan dengan peranan kita dalam perkhidmatan awam.

6. Hari ini perkhidmatan berkualiti dan standard kerja yang tinggi bukan lagi pilihan tetapi merupakan kewajipan kerana ia mencerminkan integriti, reputasi jabatan dan asas keyakinan pelanggan kepada kita.

7. Untuk makluman semua, bagi mengekalkan aspek kualiti dan standard yang tinggi bagi setiap anugerah yang dipertandingkan, penilaian dibuat dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk pencapaian terbaik, keunikan, ketetapan, serta impak sumbangan staf dan jabatan yang bertanding.
8. Majlis ini juga bukan sahaja menjadi tanda penghargaan terhadap kecemerlangan, malah berperanan sebagai platform untuk memperkukuhkan budaya inovasi dan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan.
9. Saya mengharapkan Majlis Anugerah Cemerlang ini menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti dan inovasi, sekaligus mendorong warga pentadbir UiTM Cawangan Selangor menjadikannya sebagai teras utama dalam setiap tindakan dan keputusan.

10. Justeru, saya menyeru agar tema “Memacu Kualiti, Memperkasa Inovasi” bukan sekadar slogan, tetapi menjadi prinsip kerja harian, dan penggerak kemajuan perkhidmatan.
11. Kepada semua bakal penerima Anugerah Cemerlang UiTM Cawangan Selangor 2025, semoga pengiktirafan ini menjadi pencetus semangat untuk terus mengekalkan mutu perkhidmatan yang terbaik, menjadi teladan dalam amanah dan tanggungjawab, serta pemangkin kepada budaya kerja yang cemerlang, insyaAllah.
12. Saya yakin, setiap penerima anugerah pada hari ini pasti sangat menghargai pengiktirafan yang diberikan kerana nilainya yang tinggi.
13. Pengiktirafan yang diberikan ini juga diharapkan mampu menjadi galakan kepada warga pentadbir keseluruhannya tanpa mengira gred dan pusat

tanggungjawab (PTj) untuk terus meningkatkan komitmen dan kegigihan dalam bekerja.

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua bakal penerima anugerah hari ini.

15. Pengiktirafan yang anda terima bukan sahaja menjadi tanda penghormatan atas usaha gigih, malah juga merupakan satu amanah dan tanggungjawab untuk terus menjadi teladan kepada rakan sekerja lain.

16. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua pihak khususnya Jawatankuasa Penganjur atas usaha dan komitmen tinggi dalam memastikan kelancaran dan kejayaan majlis pada petang ini.

17. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada YBrs. Profesor Dr Haslinda Yusoff atas kehadiran dan sokongan yang diberikan.

18. Kepada semua warga UiTM Cawangan Selangor, jadilah seperti akar yang tersembunyi, namun menjadi tunjang kekuatan kepada pohon yang teguh.

Permata bersinar di dasar samudera,
Bahtera berlayar di lautan sepi;
Tahniah diucap atas khidmat dan jasa,
Teruskan melangkah penuh dedikasi.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**